A

Pendakwa Raya lwn Yip Yee Foo dan satu lagi

B MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — RAYUAN JENAYAH NO 42(S)-107 TAHUN 2011
NORDIN HASSAN H
14 MAC 2017

C *Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap pelepasan dan pembebasan — Responden kedua dituduh dengan kesalahan pecah amanah jenayah di bawah s 409 Kanun Keseksaan — Responden pertama dituduh bersubahat dengan responden kedua — Sama ada kes prima facie dibuktikan terhadap responden pertama dan kedua — Sama ada pembelaan responden kedua menimbulkan keraguan munasabah — Kanun Keseksaan s 409*

D

Responden kedua merupakan salah seorang pengarah Cold Storage (M) Bhd ('CSM') dan pada 20 Mac 1998, responden kedua telah menandatangani resolusi untuk CSM mengambil alih syarikat CSM Capital Sdn Bhd ('CSM Capital') yang dibeli oleh responden pertama pada tahun 1997. Pada hari yang sama, responden kedua telah menyebabkan wang syarikat CSM berjumlah RM185 juta dipindahkan ke dalam akaun CSM Capital di Deutsche Bank (M) Bhd dan pemindahan wang tersebut dikatakan telah dilaksanakan tanpa kelulusan atau persetujuan Lembaga Pengarah CSM. Di mahkamah sesyen, responden kedua telah dituduh dengan pertuduhan alternatif terpinda bagi kesalahan pecah amanah jenayah di bawah s 409 Kanun Keseksaan ('Kanun'). Selain itu, pertuduhan alternatif terpinda telah dikemukakan terhadap responden pertama bagi kesalahan bersubahat melakukan kesalahan pecah amanah jenayah tersebut. Di akhir kes pembelaan, hakim mahkamah sesyen telah melepaskan dan membebaskan kedua-dua responden. Ini adalah rayuan pihak pendakwa raya terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen tersebut. Isu-isu untuk dipertimbangkan adalah sama ada: (a) kes 'prima facie' terhadap responden pertama dan responden kedua bagi pertuduhan alternatif terpinda telah dibuktikan; dan (b) pembelaan responden kedua tersebut dapat menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan.

E F G H

Diputuskan, menolak rayuan:

I (1) Mahkamah bersetuju dengan dapatan hakim mahkamah sesyen bahawa satu kes 'prima facie' telah dibuktikan terhadap responden kedua apabila tiada resolusi syarikat CSM yang menunjukkan Lembaga telah memberi kelulusan berkaitan pemindahan wang syarikat CSM berjumlah RM185 juta tersebut (lihat perenggan 18).

(2) Dengan pembukaan akaun bank di Deutsche Bank pada hari yang sama pemindahan wang RM185 juta tersebut menunjukkan responden pertama telah membantu dalam kesalahan yang dilakukan oleh responden kedua. Walaupun pembukaan akaun syarikat CSM Capital tersebut dibuat oleh SP3, tetapi keterangan keseluruhan terutamanya bahawa syarikat tersebut dikawal dan ditadbir oleh responden pertama dan keterangan lain yang berkaitan, menjurus kepada inferens fakta bahawa pembukaan akaun syarikat di Deutsche Bank pada 23 Mac 1998 adalah atas kehendak atau arahan responden pertama. Oleh itu, mahkamah bersetuju dengan hakim mahkamah sesyen bahawa satu kes prima facie telah dibuktikan terhadap responden pertama (lihat perenggan 22 & 24–25).

(3) Setelah meneliti pembelaan responden kedua, mahkamah mengambil maklum kepada fakta yang tidak dipertikaikan bahawa responden kedua dan pengarah yang lain ada menandatangani resolusi P15 dan P18 pada hari pertama mereka menjadi pengarah syarikat CSM pada 20 Mac 1998. Oleh itu, bukanlah suatu perkara yang luar biasa untuk mereka menandatangani resolusi berhubung pelaburan dana RM180 juta tersebut (lihat perenggan 48).

(4) Selain itu, mahkamah mengambil maklum bahawa tiada peruntukan undang-undang yang mengkehendaki kelulusan Lembaga Pengarah dibuat di dalam satu mesyuarat rasmi tetapi keputusan Lembaga tersebut hendaklah dibuat sebulat suara walaupun secara tidak rasmi. Seterusnya, mahkamah mendapati bahawa dapatan fakta hakim bicara bahawa terdapat resolusi syarikat CSM yang berkaitan dengan pelaburan dana RM180 juta tersebut adalah betul dan adalah berdasarkan keterangan yang diberikan. Pemindahan dana tersebut yang dibuat dengan tujuan pelaburan dipersetujui oleh Lembaga Pengarah CSM (lihat perenggan 50).

(5) Mahkamah juga mendapati pihak pembelaan telah menyangkal anggapan 'dengan curang' terhadap responden kedua di bawah s 409B(1)(b) Kanun pada imbangan kebarangkalian dan pihak pembelaan telah menimbulkan suatu keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan bagi kes terhadap responden kedua. Oleh itu, mahkamah mengekalkan keputusan hakim mahkamah sesyen untuk melepaskan dan membebaskan responden pertama dan responden kedua. Seterusnya, memandangkan pelepasan dan pembebasan responden kedua sebagai pesalah utama dikekalkan, maka mahkamah juga mengekalkan perintah pelepasan dan pembebasan terhadap responden pertama yang dituduh bersubahat dengan responden kedua (lihat perenggan 51–52 & 54–55).

A **[English summary**

The second respondent was one of the directors of Cold Storage (M) Bhd ('CSM') and on 20 March 1998, the second respondent signed a resolution for CSM to take over CSM Capital Sdn Bhd ('CSM Capital') that was bought by the first respondent in the year of 1997. On the same day, the second respondent had caused CSM's company money amounting RM185m transferred into CSM Capital's account in Deutsche Bank (M) Bhd and the transfer of the money was allegedly executed without permission or agreement of the Board of Directors of CSM. In the sessions court, the second respondent was charged with amended alternative charge for the offence of criminal breach of trust under s 409 of the Penal Code ('the Code'). Moreover, the amended alternative charge produced against first respondent for the offence of abetment for the said criminal breach of trust. At the end of defence case, the learned sessions court judge had discharged and acquitted both the respondent. This was an appeal by the prosecutor against the decision of the learned sessions court judge. The issues to be considered were whether: (a) the prima facie case against the first respondent and second respondent for the amended alternative charge was established; and (b) the defence of the second respondent could raise any reasonable doubt towards the prosecution's case.

Held, dismissing the appeal:

(1) The court agreed with the decision of the learned sessions court judge that a prima facie case had been established against the second respondent when there was no company resolution from CSM that showed the Board had given permission regarding the said transfer of company's money amounting RM185m (see para 18).

(2) The opening of bank account with Deutsche Bank on the same day of the said transfer of money of RM185m showed that the first respondent had assisted in the offence committed by the second respondent. Although the opening of the CSM Capital company account was done by SP3, but the overall witness' evidence, in particular, the company was controlled and administered by the first respondent and other relevant witness' evidence, led to the inference of the fact that the opening of the company account in Deutsche Bank on 23 March 1998 was based on the first respondent's accord or order. Thus, the court agreed with the learned sessions court judge that there was a prima facie case established against the first respondent (see paras 22 & 24–25).

(3) After scrutinising the defence of the second respondent, the court acknowledged the undisputed facts that the second respondent and other directors had signed resolution P15 and P18 on the first day they became the directors of CSM on 20 March 1998. Hence, it was not uncommon for them to sign the resolution regarding the capital investment of RM180m (see para 48).

(4) Other than that, the court acknowledged that there was no law provisions that require the permission of the Board of Directors to be given in an official meeting but the decision of the Board should be made unanimously although not officially. Also, the court found that the findings of the fact by the trial judge that there was CSM company resolution which was related to the capital investment of RM180m was correct and was based on the evidence given. The transferring of capital made for the purpose of investment was agreed by the Board of Directors of CSM (see para 50).

(5) The court had also found that the defence had rebutted the assumption 'dengan curang' against the second respondent under s 409B(1)(b) of the Code on the balance of probabilities and the prosecution had raised reasonable doubt towards prosecution's case against the second respondent. Thus, the court maintained the decision of the learned sessions court judge in discharging and acquitting the first and second respondent. Further, since the discharge and acquittal of the second respondent as the main culprit was maintained, the court also maintained the order of discharge and acquittal against the first respondent who was accused of abetting the second respondent (see paras 51–52 & 54–55).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap pelepasan dan pembebasan, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 231–241.

Kes-kes yang dirujuk

Amri bin Ibrahim & Anor v PP and another appeal [2017] 1 MLJ 1; [2017] 1 CLJ 617, MP (dirujuk)
Faguna Kanta Nath v State of Assam [1959] AIR 673, MA (dirujuk)
Mohamad Radhi bin Yaakob v PP [1991] 3 MLJ 169, MA (dirujuk)
Periasamy s/o Sinnapan & Anor v PP [1996] 2 MLJ 557, MR (dirujuk)
PP v Saimin & Ors [1971] 2 MLJ 16 (dirujuk)
PP v Yeoh Teck Chye [1981] 2 MLJ 176, MP (dirujuk)
Sinnatamby Seahomes Sdn Bhd v Perwira Habib Bank Malaysia Bhd [2001] 2 MLJ 450; [2001] 2 CLJ 299, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Perindustrian Sekuriti 1983 s 87A(a)
Kanun Keseksaan ss 107, 405, 409, 409B(1)(b)

Roz Mawar bt Rozain (Aimi Khalidah) (Timbalan Pendakwa Raya, Suruhanjaya Sekuriti) bagi pihak perayu.
Ng Aik Guan (Ng Aik Guan & Co) bagi pihak responden pertama.
Gobind Singh Deo (Haijan Omar bersamanya) (Gobind Singh Deo & Co) bagi pihak responden kedua.

Nordin Hassan H:

PENDAHULUAN

[1] Ini adalah rayuan pihak pendakwa raya terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen di akhir kes pembelaan yang melepaskan dan membebaskan responden kedua dari pertuduhan alternatif terpinda bagi kesalahan pecah amanah jenayah di bawah s 409 Kanun Keseksaan dan responden pertama dari pertuduhan alternatif terpinda bagi kesalahan bersubahat melakukan kesalahan pecah amanah jenayah oleh responden kedua berkenaan.

[2] Pada asalnya, responden pertama dan kedua telah dituduh dengan pertuduhan utama terpinda di bawah s 87A(a) Akta Perindustrian Sekuriti 1983 bagi kesalahan menggunakan muslihat untuk menipu dalam suatu pembelian saham dan pertuduhan alternatif terpinda terhadap responden kedua adalah bagi kesalahan pecah amanah jenayah di bawah s 409 Kanun Keseksaan. Seterusnya, pertuduhan alternatif terpinda juga dikemukakan terhadap responden pertama bagi kesalahan bersubahat melakukan kesalahan pecah amanah jenayah tersebut.

[3] Bagi memudahkan rujukan, pertuduhan utama terpinda dan pertuduhan alternatif terpinda tersebut adalah seperti berikut:

(a) pertuduhan utama terpinda terhadap responden pertama dan responden kedua:

> Bahawa kamu di antara 16 September 1997 dan 26 Mac 1998 di Deustche Bank (Malaysia) Berhad, Level 18-20, Menara IMC, 8 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur di dalam Wilayah Persekutuan, secara langsung berkaitan dengan pembelian sekuriti iaitu 26,724,337 unit saham Cold Storage (Malaysia) Berhad (No. Syarikat: 8241-D), menggunakan satu muslihat untuk menipu Cold Storage (Malaysia) Berhad iaitu dengan menyebabkan RM185,000,000.00 dipindahkan daripada akaun bank Cold Storage (Malaysia) Berhad bernombor 0085233-00-0 di Deutsche Bank (Malaysia) Berhad, di mana RM179,357,196.96 dipindahkan ke akaun bank Cycle & Carriage Limited bernombor 01-70067785 di Standard Chatered Bank di 6, Battery Road, #07-00 Singapura 049909, untuk pembelian 26,724,337 unit saham Cold Storage (Malaysia) Berhad oleh Excoplex Sdn. Bhd. dan Fulham Finance & Trade Limited, dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 87A(a) Akta Perindustrian Sekuriti 1983 (Akta 280) dan boleh dihukum di bawah seksyen 91 Akta yang sama.

(b) pertuduhan alternatif terpinda terhadap responden pertama:

> Bahawa kamu pada 20 Mac 1998, di Deustche Bank (Malaysia) Berhad, Tingkat 18-20, Menara IMC, 8 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur di dalam Wilayah Persekutuan, telah bersubahat dengan Chung Wai Meng

(No. Kad Pengenalan: 650914-08-6053) yang telah melakukan kesalahan pecah amanah terhadap RM185,000,000.00 kepunyaan Cold Storage (Malaysia) Berhad, dengan menyebabkan RM185,000,000.00 dipindahkan daripada akaun bank Cold Storage (Malaysia) Berhad bernombor 0085233-00-0 di Deutsche Bank (Malaysia) Berhad ke akaun bank CSM Capital Sdn. Bhd bernombor 0085183-00-0 di Deutsche Bank (Malaysia) Berhad, dan kesalahan tersebut akibat persubahatan kamu dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 109 Kanun Keseksaan (Akta 574) dibaca bersama seksyen 409, dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.

(c) pertuduhan alternatif terpinda terhadap responden kedua:

Bahawa kamu pada 20 Mac 1998, di Deustche Bank (Malaysia) Berhad, Tingkat 18-20, Menara IMC, 8 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur di dalam Wilayah Persekutuan, sebagai seorang agen iaitu Pengarah Cold Storage (Malaysia) Berhad (No. Syarikat: 8241-D) dan dalam kapasiti tersebut telah diamanahkan dengan harta tertentu iaitu dana Cold Storage (Malaysia) Berhad berjumlah RM185,000,000.00, dengan curangnya menyalahgunakan RM185,000,000.00 tersebut apabila kamu menyebabkan RM185,000,000.00 dipindahkan daripada akaun bank Cold Storage (Malaysia) Berhad bernombor 0085233-00-0 di Deutsche Bank (Malaysia) Berhad ke akaun bank CSM Capital Sdn. Bhd. bernombor 0085183-00-0 di Deutsche Bank (Malaysia) Berhad, dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan pecah amanah berkenaan dengan RM185,000,000.00 tersebut iaitu satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 409 Kanun Keseksaan (Akta 574).

[4] Pada akhir kes pendakwaan, hakim mahkamah sesyen telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes prima facie bagi pertuduhan utama terpinda terhadap kedua-dua responden dan oleh itu telah melepaskan dan membebaskan kedua-dua responden dari pertuduhan berkenaan tanpa dipanggil untuk membela diri.

Walau bagaimanapun, hakim mahkamah sesyen telah memanggil kedua-dua responden untuk membela diri bagi pertuduhan alternatif terpinda terhadap mereka.

[5] Pihak pendakwaan juga tidak membuat sebarang rayuan terhadap perlepasan dan pembebasan kedua-dua responden bagi pertuduhan utama terpinda tersebut.

[6] Bagi maksud penghakiman ini, responden pertama akan dirujuk sebagai OKT1 dan responden kedua sebagai OKT2.

A RINGKASAN KES PENDAKWAAN

[7] Berdasarkan keterangan saksi-saksi pendakwaan dan dokumen yang dikemukakan, fakta kes yang relevan dengan pertuduhan alternatif terpinda tersebut adalah seperti berikut:

B

(a) pada 20 Mac 1998, OKT2, Natharsa Amin Shah ('SP10') dan Azri Ahmad ('SP11') telah dilantik sebagai pengarah syarikat Cold Storage (M) Bhd ('CSM') melalui satu resolusi syarikat bertarikh pada hari yang sama iaitu 20 Mac 1998 ('P14');

C

(b) berdasarkan resolusi ini juga, pengerusi eksekutif dan tujuh orang pengarah CSM telah meletakkan jawatan berkuatkuasa pada tarikh tersebut iaitu 20 Mac 1998;

(c) pada 20 Mac 1998 juga, ketiga-tiga pengarah baru tersebut iaitu OKT2, SP10 dan SP11 telah menandatangani satu resolusi ('P15') yang menjadikan ketiga-tiga mereka penandatangan cek syarikat CSM untuk akaun semasa syarikat CSM di bank Hong Kong Bank (M) Bhd, Duetsche Bank (M) Bhd, United Overseas Bank (M) Bhd dan Bank Islam Malaysia Bhd;

D

E

(d) seterusnya, berdasarkan resolusi bertarikh 20 Mac 1998 ('P18') yang ditandatangani oleh OKT2, SP10 dan SP11, syarikat CSM telah mengambilalih syarikat CSM Capital Sdn Bhd ('CSM Capital') yang sebelum itu dikenali sebagai Inanam Credit Sdn Bhd dengan pembelian 431,825 unit saham syarikat CSM Capital berkenaan. Syarikat ini telah dibeli oleh OKT1 dari SP8 pada tahun 1997;

F

(e) selanjutnya, pada 20 Mac 1998 juga, OKT2 telah menyebabkan wang syarikat CSM berjumlah RM185,000,000 dipindahkan ke dalam akaun CSM Capital di Deutsche Bank (M) Bhd; dan

G

(f) pemindahan wang RM185 juta ini dikatakan tanpa kelulusan atau persetujuan Lembaga Pengarah CSM.

[8] Seksyen 405 Kanun Keseksaan mendefinasikan pecah amanah jenayah seperti berikut:

H

> 405 Whoever, being in any manner entrusted with property, or with any dominion over property either solely or jointly with any other person, *dishonestly misappropriates*, or converts to his own use, *that property*, or dishonestly uses or disposes of that property in violation of any direction of law prescribing the mode in which such trust is to be discharged or of any legal contract, express or implied, which he has made touching the discharge of such trust, or wilfully suffers any other person so to do, *commits 'criminal breach of trust'*.

I

[9] Seterusnya, inti pati kesalahan pecah amanah jenayah ini juga telah

dijelaskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Public Prosecutor v Yeoh Teck Chye* [1981] 2 MLJ 176 di ms 178 seperti berikut:

> Harking back to first principles, for a person to be guilty of the offence of criminal breach of trust he should be:
>
> (i) *entrusted with property or dominion over the property*;
>
> (ii) (a) *that he should dishonestly misappropriate* or convert it to his own use; OR
>
> (b) dishonestly use or dispose of the property or wilfully suffer any other persoh so to do in violation of;
>
> (iii) (a) any direction of law prescribing the manner in which such trust is to be discharged; OR
>
> (b) of any legal contract made touching the discharge of such trust.

ISU SAMA ADA KES PRIMA FACIE TERHADAP OKT1 DAN OKT2 BAGI PERTUDUHAN ALTERNATIF TERPINDA TELAH DIBUKTIKAN

[10] Dijelaskan di sini bahawa asas pertuduhan alternatif terpinda terhadap OKT1 dan OKT2 ini adalah ketiadaan kelulusan atau persetujuan lembaga pengarah syarikat CSM berhubung pemindahan wang berjumlah RM185 juta dari akaun syarikat CSM ke dalam akaun syarikat CSM Capital.

[11] Ini bermaksud, jika terdapat persetujuan dari lembaga pengarah iaitu OKT2, SP10 dan SP11 berkaitan pemindahan wang RM185 juta ini, maka tiada apa-apa kesalahan dilakukan oleh OKT2 atau OKT1 yang dituduh bersubahat dengan OKT2.

[12] Dalam memutuskan isu prima facie terhadap OKT2, hakim mahkamah sesyen dalam alasan penghakimannya menyatakan, antara lain, seperti berikut:

> 57. The ingredients that the prosecution has to prove to establish the charge are as follows:
>
> (a) the accused as agent of Cold Storage;
>
> (b) was entrusted with the company's property, namely a sum of RM185 million; and
>
> (c) that he had committed a criminal breach of trust, namely in remitting the said moneys to CSM without the Board's approval or knowledge.
>
> 58. As for ingredients (a) and (b), there is ample evidence to prove these facts. It is clear that based on the resolution marked as exhibit P14, at the material time, the second accused was a director and an authorised signatory of the bank account at Deutche bank. It is trite that directors of a company are trustees as to the company's

A moneys which are under their control, and they are answerable for any misapplication or misuse of these moneys. See *Lai Ah Kau & Anor v Public Prosecutor* [1998] 3 MLJ 391 and *Chang Lee Swee v Public Prosecutor* [1985] 1 MLJ 75.

B 59. As to ingredient (c), it is not in dispute that the books of the company do not show the existence of a written resolution to approve or authorise the transfer of Cold Storage funds to CSM Capital nor a meeting held to discuss the same. It is argued by the defence, and I agree, that the directors of a company may act informally and there is no requirement in law that the approval must be procured at a meeting. But, the law requires informal decisions to be unanimous (see C *Sinnatamby Seahomes Sdn Bhd v Perwira Habib Bank Malaysia Bhd* [2001] 2 MLJ 450; [2001] 2 CLJ 299).

[13] Seterusnya, di perenggan 61–62, alasan penghakiman, hakim mahkamah sesyen meneruskan seperti berikut:

D 61. It is in evidence that at the material time when the funds were transferred to CSM Capital, Cold Storage had two other directors, Natharsha and Azril. The key evidence relied on by the prosecution to establish that the decision was not unanimous was Natharsha's testimony. It will be recalled that Natharsha testified E that he was not informed of the transfer nor the purpose for it. The prosecution argued, and I agree, that no individual director can deal with company funds without the knowledge of the rest of the board ...

62. Natharsha's evidence clearly established that this was not a unanimous decision. It is true in this case the funds were transferred to a company that was a wholly F owned subsidiary of the holding company and there is no evidence to show that the transfer to CSM Capital was ultra vires and prohibited by the Company's memorandum or articles. But, an individual director is not empowered or authorised to do things without the knowledge of the rest of the board. All directors have to be included in the deliberations and it has to be a collective decision of the G board ...

[14] Selanjutnya, perenggan 63, alasan penghakiman, hakim mahkamah sesyen memutuskan seperti berikut:

H 63. I therefore find that the prosecution has proved that the second accused had disposed of the Cold Storage funds in breach of his duty as a director not to deal with company funds without the approval or authorization of the Board.

[15] Hakim mahkamah sesyen juga telah menggunakan peruntukan anggapan di bawah s 409B(1)(b) Kanun Keseksaan bagi pembuktian 'dengan I curang' oleh OKT2 berhubung kesalahan pecah amanah jenayah ini.

Seksyen 409B(1)(b) memperuntukkan:

(1) Where in any proceeding it is proved —

(a) ...

(b) for any offence prescribe in sections 405, 406, 407, 408 and 409 that any person untrusted with property or with dominion over property had —

(i) misappropriated that property;

(ii) ...

(iii) ...

It shall be presumed that he had acted dishonestly until the contrary is proved.

[16] Berdasarkan alasan penghakiman hakim mahkamah sesyen ini, asas kes prima facie terhadap OKT2 bagi pertuduhan alternatif terpinda tersebut adalah seperti berikut:

(a) tiada resolusi bertulis syarikat CSM berhubung pemindahan wang syarikat CSM kepda CSM Capital Sdn Bhd; dan

(b) tiada persetujuan sebulat suara dari Lembaga Pengarah CSM dalam kes ini iaitu dari SP10 berhubung pemindahan wang RM185 juta ini.

[17] Saya telah meneliti keseluruhan keterangan saksi pendakwaan termasuk setiausaha syarikat CSM iaitu SP2 yang menyatakan bahawa SP2 tidak pernah melihat resolusi berkaitan pemindahan wang RM185 juta berkenaan.

[18] Di akhir kes pendakwaan ini, berdasarkan penilaian maksima keterangan saksi-saksi pendakwaan dan dokumen yang dikemukakan, saya bersetuju dengan dapatan hakim mahkamah sesyen bahawa satu kes 'prima facie' telah dibuktikan terhadap OKT2 apabila tiada resolusi syarikat CSM yang menunjukkan Lembaga telah memberi kelulusan berkaitan pemindahan wang syarikat CSM berjumlah RM185 juta tersebut.

[19] Berhubung dengan OKT1 pula, keterangan SP8 menunjukkan bahawa Syarikat Inanam Sdn Bhd telah dijual oleh SP8 kepada OKT1 dengan harga RM50,000. Seterusnya berdasarkan resolusi syarikat (P30) bertarikh 10 Mac 1998, OKT1 telah dilantik menjadi pengarah syarikat Inanam Sdn Bhd yang kemudiannya ditukarkan nama kepada CSM Capital Sdn Bhd.

[20] Seterusnya, berdasarkan alasan penghakiman hakim mahkamah sesyen, asas kes prima facie bagi pertuduhan alternatif terpinda terhadap OKT1 adalah OKT1 membenarkan syarikat yang sebenarnya adalah kepunyaannya iaitu CSM Capital digunakan untuk pemindahan wang RM185 juta berkenaan. Inferen fakta telah dibuat oleh hakim mahkamah sesyen dari fakta-fakta berikut:

A (a) OKT1 telah membeli syarikat ini pada bulan Mac 1998 dari SP8;

(b) OKT1 mengawal dan mentadbir syarikat ini; dan

(c) pemindahan wang berkenaan dapat dibuat dengan pembukaan akaun syarikat CSM Capital iaitu di Deutsche Bank (M).

B

[21] Di sini, penilaian lanjut pada keterangan yang dikemukakan, menunjukkan fakta-fakta iaitu OKT2 menjadi pengarah syarikat CSM pada 20 Mac 1998, syarikat CSM mengambilalih syarikat CSM Capital melalui resolusi bertarikh 20 Mac 1998, pemindahan wang RM185 juta ke dalam akaun syarikat CSM Capital juga adalah pada 20 Mac 1998. Seterusnya, akaun CSM Capital di Deutsche Bank ini dibuka pada hari yang sama juga iaitu pada 20 Mac 1998.

C

D **[22]** Berdasarkan huraian fakta ini, inferen yang munasabah adalah dengan pembukaan akaun bank di Deutsche Bank pada hari yang sama pemindahan wang RM185 juta tersebut menunjukan OKT1 telah membantu dalam kesalahan yang dilakukan oleh OKT2.

E Walau pun pembukaan akaun syarikat CSM Capital ini dibuat oleh SP3 tetapi keterangan keseluruhan terutama bahawa syarikat ini dikawal dan ditadbir oleh OKT1 dan keterangan lain yang berkaitan, menjurus kepada inferen fakta bahawa pembukaan akaun syarikat di Deutsch Bank pada 20 Mac 1998 adalah atas kehendak atau arahan OKT1.

F

[23] Selanjutnya, berhubung dengan kesalahan bersubahat ini, s 107 Kanun Keseksaan memperuntukkan:

G Seseorang itu bersubahat melakukan sesuatu perkara jika dia —

(a) ...

(aa) ...

(b) ...

H (c) *dengan sengaja membantu* melakukan perkara itu dengan apa-apa perbuatan atau apa-apa ketinggalan yang menyalahi undang-undang.

[24] Dalam kes ini, secara keseluruhannya, tindakan OKT1 telah membantu OKT2 dalam memindahkan wang RM185 juta tersebut ke dalam akaun syarikat CSM Capital berkenaan.

I

[25] Sehubungan itu juga saya bersetuju dengan hakim mahkamah sesyen bahawa satu kes prima facie telah dibuktikan terhadap OKT1 bagi kesalahan

bersubahat dengan OKT2 berhubung kesalahan pecah amanah jenayah berkenaan.

[26] Seterusnya, sebelum pertimbangan terhadap kes pembelaan dan keputusan hakim mahkamah sesyen di akhir kes pembelaan diteliti, berhubung isu kesalahan bersubahat, prinsip undang-undang adalah jelas bahawa jika pesalah utama dilepaskan dan dibebaskan, penyubahat (*abettor*) yang dituduh kerana membantu pesalah utama melakukan kesalahan tersebut juga tidak boleh disabitkan atas kesalahan bersubahat.

[27] Ini dijelaskan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Periasamy s/o Sinnapan & Anor v Public Prosecutor* [1996] 2 MLJ 557 di ms 584:

> The offence of abetment, when it consists of instigation, constitutes a separate and distinct offence. Consequently, an abettor who instigates the commission of an offence or conspires to commit it may be convicted of abetment, notwithstanding that one who is charged with theprincipal offence has been acquitted. *It is otherwise were the abetment consists of intentional aiding: in such a case, acquittal of the principal offender must result in the acquittal of the abettor*.

[28] Mahkamah Agong di India, dalam kes *Faguna Kanta Nath v State of Assam* [1959] AIR 673 di ms 674 juga menyatakan seperti berikut:

> *In the case of abetment by aid, a person can be said to abet by aiding only when by the commission of an act he intends to facilitate the commission of the offence and does facilitate the commission thereof*. Therefore where a person is charged with abetment by aid of an offence under s 161 and the person charged with the offence is acquitted on the ground that he had not committed the offence no question of intentionally aiding by any act or omission the commission of that offence arises. *Therefore whether the acquittal is right or wrong the conviction of the abettor also cannot be allowed to stand in the circumstances*.

[29] Sehubungan itu, adalah bertepatan untuk saya disini mempertimbangkan terlebih dahulu pembelaan OKT2 dan memutuskan sama ada pembelaan OKT2 tersebut dapat menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan.

PEMBELAAN OKT2

[30] OKT2 dalam keterangannya, antara lain menyatakan bahawa terdapat resolusi syarikat CSM yang ditandatangani pada 20 Mac 1998 oleh OKT2, SP10 dan SP11 bagi syarikat CSM membuat pelaburan berjumlah RM180,000 juta. OKT2 telah menandatangani resolusi ini di Bowtec Holdings, iaitu pejabat OKT1 sebelum OKT2 mempunyai pejabatnya di syarikat CSM. OKT2 menjelaskan lagi bahawa SP10 dan SP11 telah juga menandatangani resolusi berkenaan. Selain itu, OKT2 menyatakan resolusi

tersebut ditandatangani oleh OKT2, SP10 dan SP11 dengan disaksikan oleh Pengurus Perundangan OKT2 iaitu SD4.

OKT2 juga menjelaskan bahawa resolusi tersebut hanya menyatakan jumlah RM180 juta dan RM5 juta lagi adalah bagi maksud yuran broker pelaburan dan perbelanjaan yang berkaitan.

OKT2 seterusnya mengesahkan bahawa D29 adalah deraf resolusi berkaitan kelulusan pelaburan RM180 juta oleh syarikat CSM tetapi yang tidak ditandatangani.

[31] Seterusnya, SD4, seorang peguam dan merupakan seorang perunding perundangan, dalam keterangannya, antara lain mengesahkan bahawa pada bulan Mac 1998, SD4 ada menyaksikan OKT2, SP10 dan SP11 menandatangani satu resolusi bagi syarikat CSM melabur sebanyak RM180 juta.

SD4 menjelaskan bahawa SD4 mengingati perkara SD4 menyaksikan ketiga-tiga pengarah CSM tersebut menandatangani resolusi berkenaan kerana jumlah wang yang terlibat adalah besar.

SD4 seterusnya menyatakan resolusi berkenaan adalah seperti D29 tetapi D29 tidak ada tandatangan pengarah-pengarah CSM.

[32] SD4 juga menyatakan bahawa kenyataan SD4 telah diambil oleh pegawai penyiasat tetapi tidak ada bertanya mengenai resolusi berhubung pelaburan RM180 juta tersebut.

PENILAIAN PEMBELAAN OKT2

[33] Di akhir kes pembelaan, apa yang perlu ditunjukkan oleh pihak pembelaan adalah terdapat keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Walaupun, versi pihak pembelaan tidak dipercayai oleh mahkamah, tetapi jika pembelaan tersebut menimbulkan suatu keraguan yang munasabah, tertuduh iaitu OKT2 dalam kes ini perlu dilepaskan dan dibebaskan.

[34] Di sini adalah sesuai diimbas kembali kata-kata hakim Mahkamah Agong dalam kes *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169:

> *To earn an acquittal, the court may not be convinced of the truth of the defence story or version. Raising a reasonable doubt in the guilt of the accused will suffice*. It is not, however, wrong for the court to be convinced that the defence is true, in which case

the court must order an acquittal. In appropriate cases it is also not wrong for the court to conclude that the defence story is false or not convincing, but in that instance, the court must not convict until it asks a further question, that even if the court does not accept or believe the defence explanation, does it nevertheless raise a reasonable doubt as to his guilt? *It is for this reason that in dealing with the defence story or explanation, the majority of judges rightly prefer to adopt straightaway the legally established 'reasonable doubt' test, rather that to delve in the 'believable and convincing' test before applying the 'reasonable doubt' test*.

[35] Maksud keraguan yang munasabah juga telah dijelaskan oleh Hakim Sharma dalam kes *Public Prosecutor v Saimin & Ors* [1971] 2 MLJ 16 di ms 17 seperti berikut:

The following definition of 'reasonable doubt' is often quoted:

> *It is not mere possible doubt, because everything relating to human affairs and depending upon moral evidence is open to some possible or imaginary doubt. It is state of the case which after the entire comparison and consideration of all the evidence leaves the minds of the jurors in that condition that they cannot say they feel an abiding conviction to a moral certainty of the truth of the charge.*

It has again been said that 'reasonable doubt' is the doubt which makes you hesitate as to the correctness of the conclusion which you reach. If under your oaths and upon your consciences, after you have fully investigated the evidence and compared it in all its parts, you say to yourself I doubt if he is guilty, then it is a reasonable doubt. It is a doubt which settles in your judgment and finds a resting place there'. Or as sometimes said, it must be a doubt so solemn and substantial as to produce in the minds of the jurors some uncertainty as to the verdict to be given. *A resonable doubt must be a doubt arising from the evidence or want of evidence and cannot be an imaginary doubt or conjecture unrelated to evidence*.

[36] Selain itu, bagi kes terhadap OKT2 ini juga, anggapan 'dengan curang' di bawah s 409B(1)(b) telah diguna pakai dan oleh itu, anggapan ini perlu disangkal pada imbangan kebarangkalian.

[37] Di sini, bagi mempertimbangkan pembelaan OKT, mahkamah juga perlu meneliti keterangan saksi-saksi pendakwaan bagi membuat dapatan fakta yang tepat dan menyeluruh.

[38] Secara asasnya, pembelaan OKT2 adalah pengarah-pengarah syarikat CSM telah bersetuju dengan pelaburan RM180 juta berkenaan dengan menandatangani satu resolusi syarikat pada 20 Mac 1998. Keterangan OKT2 berhubung perkara ini disokong oleh keterangan SD4 yang menyaksikan OKT2, SP10 dan SP11 menandatangani resolusi berkenaan di Bowtec Holdings.

[39] Berhubung keterangan SD4 ini, hakim bicara telah membuat suatu

dapatan fakta berhubung kredibiliti SD4 dan memutuskan untuk mempercayai keterangan SD4 ini.

Di perenggan 85, alasan penghakiman hakim mahkamah sesyen dinyatakan seperti berikut:

> 85. I now proceed to consider the credibility of Lalini Das. Having observed Lalini Das testify and being cross examined on the stand, she made a favourable impression on me. She was a witness who testified truthfully as best as she could, what she had witnessed at Bowtec Holdings. It is true that the second accused was her former employer, but she did not strike me as a witness who would perjure just to help him. She had nothing to gain by doing so. Hence, I have no reason to disbelieve her that she had seen the directors sign the resolution.

[40] Di sini, prinsip undang-undang adalah jelas bahawa mahkamah diperingkat rayuan akan lebih perlahan dalam mengganggu dapatan fakta hakim bicara yang mempunyai kelebihan 'audio-visual' terhadap saksi-saksi dalam perbicaraan.

Dalam kes Mahkamah Persekutuan, *Amri bin Ibrahim & Anor v Public Prosecutor and another appeal* [2017] 1 MLJ 1; [2017] 1 CLJ 617, dinyatakan seperti berikut:

> [51] It is trite law that the view of the trial judge as to the credibility of a witness must be given proper weight and consideration. An appellate court should be slow in disturbing such finding of fact arrived at by the trial judge, who had the advantage of seeing and hearing the witness, unless there were substantial and compelling reasons for disagreeing (see *Herchun Singh & Ors v Public Prosecutor* [1969] 2 MLJ 209; [1969] 1 LNS 52).

[41] Selain itu, apabila diteliti keterangan saksi-saksi pendakwaan pula, pertamanya, SP2 menyatakan SP2 ada dimaklumkan oleh OKT2 bahawa terdapat resolusi berhubung pelaburan RM180 juta berkenaan, tetapi SP2 tidak pernah melihat resolusi tersebut.

[42] Seterusnya, SP11 iaitu salah seorang pengarah syarikat CSM dalam keterangannya menyatakan bahawa SP11 mengetahui mengenai pemindahan wang RM185 juta tersebut pada 20 Mac 1998. SP11 juga percaya bahawa terdapat resolusi berhubung pemindahan wang untuk pelaburan berkenaan.

Dalam keterangan SP11, antara lain dinyatakan:

> A: Okay, I believe there must been, I mean even though he was the Chairman, and also the controlling shareholder, Directors need to have authority. *So, I believe that there must have been something. But it's*

a long time, already. Like I told you, unless you show me the relevant resolution, then ...

Q: *I don't have such resolutions, I'm asking you, is there such a resolution?*

A: *I believe there should be one. My then Chairman is a lawyer who is very well versed in the Companies Act.*

...

Q: Encik Azri, before a directors' resolution can come about, the directors would have to resolve such resolution, were you involved in that resolution? Resolved that RM185 million must be transferred out?

A: *I can't remember specifically but I'm sure there must have been a resolution because without that would be an unauthorised..*

[43] SP11 juga dalam satu afidavit SP11 yang dikrarkan pada 2 Julai 2008 (D54), ada menyatakan bahawa terdapat resolusi berhubung pelaburan RM185 juta tersebut yang ditandatangani oleh SP11, OKT2 dan SP10. SP11 juga dalam afidavitnya itu, menyatakan bahawa pegawai penyiasat iaitu SP21 ada menunjukkan resolusi berkenaan kepada SP11 dan SP11 mengesahkan salah satu tandatangan pada resolusi berkenaan adalah tandatangan SP11.

[44] Dalam keterangan SP11 semasa perbicaraan, SP11 juga menyatakan bahawa kandungan afidavit SP11 tersebut adalah benar.

[45] Selanjutnya, berhubung SP10 pula, iaitu seorang lagi pengarah syarikat CSM pada ketika itu dan apabila dirujuk resolusi P15 dan P18 yang ditandatangani oleh SP11 pada 20 Mac 1998, SP10 menjelaskan bahawa SP10 ada menandatangani banyak dokumen dan tidak ingat tarikh dokumen-dokumen tersebut ditandatangani. SP10 juga tidak dapat mengingati dokumen-dokumen yang SP10 telah tandatangani. SP10 juga ada menyatakan bahawa SP10 tidak ingat sama ada SP10 ada menandatangani resolusi berhubung pelaburan dana syarikat CSM.

Ini dapat dilihat dalam keterangan SP10 di ms 506–507 rekod rayuan *Jld* 2(c) iaitu seperti berikut:

Q: If I were to ask you whether you have signed resolution which relates to investment of the funds of CSM you would not be able to remember?

A: *Yes*.

Q: *If I were to suggest to you, you did in fact signed a resolution which gave* Cold Storage Malaysia Bhd the authority to place a sum of money

with Halanna Management Corporation for purposes of investment, you would be able to recall?

A: *I cannot recall.*

Q: You can't remember whether you've signed resolution on Halanna Management investment? You can't recall?

A: Yes.

Q: I put it to you *that you can't remember if you've signed a resolution which authorises CSM to place a sum of money with Halanna Management Corporation for purposes of investment?*

A: *Yes*.

[46] Seterusnya SP21, pegawai penyiasat dalam keterangannya, menyatakan bahawa SP21 tidak pasti sama ada SP21 ada membuat siasatan dari SD4 berhubung resolusi pemindahan wang RM185 juta berkenaan.

[47] Selain itu, berhubung keterangan SP2 bahawa semua resolusi syarikat CSM dimasukkan dalam buku resolusi syarikat dan tiada resolusi berhubung pemindahan wang RM185 juta tersebut, SP11 dalam keterangannya ada menjelaskan bahawa walaupun tiada resolusi berkenaan dalam buku resolusi syarikat, ini tidak bermakna resolusi berkenaan tidak ditandatangani.

Keterangan saksi pendakwaan termasuk SP21, bahawa ada juga resolusi syarikat CSM yang tidak dimasukkan dalam buku resolusi syarikat iaitu seperti resolusi No 5/98.

[48] Saya juga mengambil maklum kepada fakta yang tidak dipertikaikan bahawa OKT2, SP10 dan SP11 ada menandatangani resolusi P15 dan P18 pada hari pertama mereka menjadi pengarah syarikat CSM pada 20 Mac 1998. Oleh itu bukanlah sesuatu yang luarbiasa untuk mereka juga menandatangani resolusi berhubung pelaburan dana RM180 juta tersebut.

[49] Saya juga mengambil maklum bahawa tiada peruntukan undang-undang yang mengkehendaki kelulusan Lembaga Pengarah dibuat di dalam satu mesyuarat rasmi tetapi keputusan Lembaga tersebut walaupun secara tidak rasmi hendaklah dibuat sebulat suara (*Sinnatamby Seahomes Sdn Bhd v Perwira Habib Bank Malaysia Bhd* [2001] 2 MLJ 450; [2001] 2 CLJ 299).

[50] Sehubungan itu, berdasarkan keterangan saksi-saksi pembelaan dan dipertimbangkan bersama keterangan saksi-saksi pendakwaan, saya dapati, dapatan fakta hakim bicara bahawa terdapat resolusi syarikat CSM yang berkaitan dengan pelaburan dana RM180 juta berkenaan adalah betul dan

berdasarkan keterangan yang dikemukakan. Pemindahan dana ini dari syarikat CSM kepada syarikat CSM Capital dibuat adalah bagi tujuan pelaburan yang dipersetujui oleh Lembaga Pengarah CSM tersebut.

[51] Di sini, saya juga mendapati pihak pembelaan telah menyangkal anggapan 'dengan curang' terhadap OKT2 di bawah s 409B(1)(b) Kanun Keseksaan pada imbangan kebarangkalian.

[52] Seterusnya, pihak pembelaan juga telah menimbulkan suatu keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan bagi kes terhadap OKT2.

[53] Selain itu, isu undang-undang lain yang dibangkitkan oleh pihak pendakwaan dalam kes ini adalah tidak material bagi pertuduhan alternatif pindaan terhadap OKT2 dan OKT1.

KESIMPULAN

[54] Sehubungan itu, keputusan hakim mahkamah sesyen melepaskan dan membebaskan OKT2 adalah dikekalkan.

[55] Seterusnya, memandangkan perlepasan dan pembebasan OKT2 sebagai pesalah utama dikekalkan, maka OKT1 yang dituduh bersubahat dengan OKT2 juga dikekalkan perintah perlepasan dan pembebasan terhadap OKT1.

[56] Rayuan pendakwa raya terhadap perlepasan dan pembebasan OKT1 dan OKT2 adalah ditolak.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Jacqueleen Kho